



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## TAMBAHAN INISIATIF WILAYAH CAKNA SELARAS DENGAN INISIATIF PRIHATIN KEPADA WARGA WP LABUAN

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri baru-baru ini mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) 2020, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Labuan (PL) telah **membuat penyelarasan dan penambahan inisiatif baharu bagi kluster ketiga inisiatif Wilayah Cakna khusus untuk warga Wilayah Persekutuan Labuan.**

Antara **inisiatif baharu kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan** adalah seperti berikut:

### Perumahan Awam :

- Warga Labuan yang menetap di perumahan awam milik PL **dikecualikan bayaran sewa selama enam (6) bulan bermula Mac hingga Ogos 2020.** Kadar bayaran sewa rumah yang diberi pengecualian ini bermula daripada RM150.00 hingga RM650.00 sebulan mengikut kategori melibatkan 546 keluarga dengan kos keseluruhan berjumlah RM933,210.00.

### Penjaja dan Peniaga Kecil :

- 774 penjaja dan peniaga kecil WP Labuan yang berlesen **dikecualikan bayaran sewa** premis niaga meliputi Pasar Sentral Labuan (UTC), pasar malam, pasar tani, medan selera dan lot-lot kedai milik PL **selama enam (6) bulan bermula Mac 2020.** Kos keseluruhan bagi bayaran sewa premis niaga ini adalah berjumlah RM1,036,110.00; dan
- **1,300 penjaja dan peniaga kecil** diberi bantuan sara hidup sebanyak **RM500.00 secara one-off.** Kos keseluruhan bagi bantuan sara hidup ini adalah berjumlah RM650,000.00.

### **Asnaf dan Golongan Berpendapatan Rendah :**

- **Pemberian 600 kit bantuan makanan**, kebajikan dan kesihatan yang berjumlah RM50,000 bagi warga Labuan yang terkesan seperti nelayan, petani, pengusaha bagang, pengusaha bubu, dan penternak; dan
- **Penambahan 1,200 kit bantuan makanan** oleh PL dan Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Labuan selepas menerima permohonan tambahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan.

### **Lain-lain Bantuan:**

- Pembelian **mesin bantuan pernafasan** kepada Hospital Labuan untuk kegunaan pesakit di ICU oleh pihak MAIWP; dan
- Penyediaan **Pusat Kuarantin Tambahan** di Institut Latihan Perindustrian Labuan untuk menempatkan pesakit dan *patient under investigation* (PUI).

Operasi menyahkuman mula dilaksanakan pada hari ini di semua kawasan awam sekitar pulau Labuan dalam usaha kerajaan memutuskan rantai penularan virus COVID-19. Lokasi pertama aktiviti pembersihan ini bermula dari Pasar Sentral Labuan (UTC) yang merupakan kawasan tumpuan awam dan diselaraskan secara bersama oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan.

Sehingga hari ini bilangan kes positif COVID-19 di WP Labuan adalah seramai 10 orang dan 2 pesakit telah pulih. Keprihatinan kerajaan terhadap isu dan situasi yang amat getir ini haruslah kita tangani secara bersama. Semua pihak perlu mematuhi arahan PKP yang telah dikeluarkan untuk memastikan kita berjaya memutuskan rantai virus ini dalam menjadikan pulau Labuan sifar COVID-19.

**TAN SRI TPr ANNUAR BIN HJ MUSA**

**Menteri Wilayah Persekutuan merangkap**

**Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri WP**

**29 Mac 2020**

**RINGKASAN BANTUAN TAMBAHAN INISIATIF WILAYAH CAKNA  
DI WP LABUAN**

<b>BIL</b>	<b>JENIS PROGRAM</b>	<b>BILANGAN/ CATATAN</b>	<b>KOS(RM)</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>1.</b>	<b>PERUMAHAN AWAM</b>			
	Pengecualian enam (6) bulan bayaran sewa perumahan awam milik PL	546 akaun	933,210.00	PL
<b>2.</b>	<b>PENJAJA DAN PENIAGA KECIL</b>			
	a) Pengecualian enam (6) bulan sewa untuk premis niaga milik PL	774 akaun	1,036,110.00	PL
	b) Bantuan sara hidup RM500 secara <i>one-off</i>	1,300 orang	650,000.00	
<b>3.</b>	<b>ASNAF DAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH</b>			
	Tambahan Kit Bantuan Makanan	1,200 orang	60,000.00	PL
<b>JUMLAH</b>			<b>2,679,320.00</b>	